

## **Perfeksionisme, keperluan psikologi asas dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan pelajar university**

### **ABSTRAK**

Menurut Ryff, Keyes dan Shmotkin (2002), kesejahteraan psikologi merangkumi resolusi berjaya bagi cabaran utama dalam setiap tahap perkembangan hidup seseorang (Erikson, 1963). Kesejahteraan hidup dalam kalangan pelajar mula mendapat perhatian dan dilihat sebagai aspek penting dalam kehidupan seseorang individu yang bergelar pelajar sama ada pada peringkat sekolah rendah, menengah mahupun peringkat institusi tinggi. Tujuan kajian ini bertujuan untuk meneroka kesejahteraan psikologi dalam kalangan pelajar. Metodologi kajian adalah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan tiga soal selidik iaitu Scales of Psychological Well-Being (SPWB), Almost Perfect Scale Revised (APS-R) dan Basic Psychological Needs Scale (BPNS). Subjek kajian terdiri daripada 501 orang pelajar peringkat sarjana muda di Universiti Malaysia Sabah. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat hubungan di antara perfeksionisme dan keperluan psikologi asas terhadap kesejahteraan psikologi pelajar. Secara keseluruhan, dapatan kajian mencadangkan faktor-faktor yang mempengaruhi kesejahteraan psikologi dalam kalangan pelajar harus diberikan perhatian kepada pihak-pihak berkaitan seperti pensyarah dan kaunselor universiti.